



سالہنہ تھاریٰ اول ملٹری تھاؤنڈ انجینئرنگ برسنجرز براجمی بروندیت - ۶۳

SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-63

ROYAL BRUNEI ARMED FORCES 63<sup>RD</sup> ANNIVERSARY CELEBRATION

SABTU / SATURDAY 23 ZULKAEDAH 1445H 1 JUN 2024M

PENANJONG GARISON

BUKU ATURCARA  
PROGRAMME BOOK





Sambutan Hari Ulang Tahun  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei  
Ke-63

*Royal Brunei Armed Forces  
63rd Anniversary Celebration*

Penanjong Garison

Sabtu / Saturday,  
23 Zulkaedah 1445H / 01 Jun 2024M





KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





**DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA  
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH  
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH**

**MENTERI KANAN DIJABATAN PERDANA MENTERI**





YANG BERHORMAT  
PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL (B)  
DATO PADUKA SERI HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD YUSSOF  
*D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., rcds, psc*

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
DAN MENTERI PERTAHANAN II





**YANG MULIA  
MEJAR JENERAL DATO PADUKA SERI  
HAJI MUHAMMAD HASZAIMI BIN BOL HASSAN**  
*D.P.K.T., P.S.P.N.B., P.G.A.T., S.M.B., P.J.G (Tentera) P.I.K.B., rcds, psc (j)*

**PEMERINTAH ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

## KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan	11 - 12
Sekapur Sirih	13 - 14
Susunan Aturcara	15 - 23
Imbasan Hari Kemuncak Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-62	25 - 37
Imbasan Majlis Doa Kesyukaran Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke- 62	38 - 45
Edisi Khas Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke- 63	47 - 49
Huraian Logo & Tema	50 - 51
Kek dan Sinopsis	52 - 53
Pesambah dan Sinopsis	54 - 55
<i>Solidarity Jump</i>	56 - 58
Pameran Keupayaan Pertahanan	60 - 64
Poster	66 - 67
Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63	68 - 75
Jawatankuasa Perbarisan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63	76 - 79
Senarai Nama-Nama Lagu Semasa Upacara Perbarisan Raksasa Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63	80 - 83
Firman	84 - 85
Penghargaan	86



## Kata Alu-Aluan

Yang Mulia  
Mejar Jeneral Dato Paduka Seri  
Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan

Pemerintah  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

اللَّهُمَّ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

سَمْعَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas limpah kurnia dan anugerahNya, Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Secara peribadi dan bagi mewakili seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dengan penuh hormat serta takzim, Peramba/Kaola/Saya sukacita menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan berangkat bercemar Duli ke Upacara Perbarisan Raksasa sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 tahun dan seterusnya berkenan mengurniakan Titah Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini. Peramba/Kaola/Saya juga merafsakkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berserta ahli-ahli Kerabat Diraja yang turut berangkat sama bagi meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi tahun 2024 di Penanjong Garison.

Alhamdulilah, dengan izin, taufiq dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala jua, hari ini kita dapat bersama-sama meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 tahun di Penanjong Garison. Pada tahun ini, tema sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah “Bersama Menjayakan Wawasan Negara” yang masih dikenalkan dari tahun 2017. Tema ini dinilai masih relevan dengan komitmen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan sentiasa mendukung aspirasi pertahanan negara seperti dinyatakan di dalam Kertas Putih Pertahanan 2021 yang dirangka berpandukan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Di dalam persekitaran operasi kontemporari yang semakin mencabar dan dinamik ini, adalah penting bagi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk kekal berwaspada dan bersiapsedia baik dari segi keupayaan mahu pun kapasiti agar dapat menghadapi sebarang ancaman dengan yakin dan penuh tekad. Di dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah giat melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif-inisiatif baharu terutama dalam meningkatkan keupayaan tentera yang moden dan lebih relevan. Perlaksanaan pemodenan yang positif ini, InsyaAllah, akan dapat memperkasa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei agar terus efisien dan efektif dalam mencapai objektif yang dihasratkan. Untuk menampung perkembangan yang dihasratkan ini, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga giat meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusiana bukan sahaja melalui peningkatan jumlah kemasukan bahkan juga dari segi kualiti yang mana, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga telah menambah baik sistem pendidikan dalaman yang ada melalui kolaborasi bersama pihak-pihak berkenaan dalam hasrat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melengkapkan anggotanya dengan pengetahuan dan kelayakan selaras dengan visinya iaitu *'A Formidable Armed Forces and a Reliable Partner'* dalam mempertahankan keadilan dan keselamatan negara.

Sehubungan dengan itu, Peramba/Kaola/Saya ingin menyeru kepada semua lapisan kepimpinan untuk terus menyumbangkan bakti dan berkhidmat dengan ikhlas dan penuh dedikasi serta sentiasa mengambil berat akan amanah dan tanggungjawab yang dipikul. Peramba/Koala/Saya juga ingin mengingatkan agar semua warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk sentiasa memastikan tahap disiplin tentera yang tinggi kerana ianya merupakan tunjang kepada rejimentasi ketenteraan. Selain disiplin yang mantap, tahap kerohanian setiap individu juga perlu dikukuhkan agar apajua amanah yang kita laksanakan akan sentiasa mendapat petunjuk, rahmat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua.

Di kesempatan ini juga, Peramba/Kaola/Saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei samada yang masih berkhidmat atau telah bersara atas jasa, sumbangan dan pengorbanan mereka yang telah membuka jalan dan membentuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menjadi sebuah Angkatan Tentera yang kredibel seperti sekarang. Tidak terlu pa juga, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khas kepada ahli keluarga para anggota-anggota tentera kerana semua ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan dan pengorbanan mereka serta di atas memahami tugas dan keperluan anggota tentera dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara.

Akhir kata, Peramba/Kaola/Saya mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa melimpahkan rahmatNya kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk terus memikul semua tanggungjawab yang diamanahkan dan semoga segala khidmat bakti setiap para anggota tentera akan mendapat ganjaran daripadaNya jua. Aamiin Aamiin Aamiin, Ya Rabbal 'Alaamiiin.

Selamat Meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



## Sekapur Sirih

Yang Mulia  
Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat

Timbalan Pemerintah  
Tentera Darat Diraja Brunei  
selaku Pengerusi Tertinggi  
Sambutan Hari Ulang Tahun  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei  
Ke- 63 Tahun

السلام علیکم و رحمة الله و برکاته  
بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke Hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan Pencipta dan Pentadbir sekian alam. Selawat Serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia dalam menegaskan syiar Islam hingga ke akhir zaman. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita dapat bersama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 pada tahun ini.

Acara kemuncak Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 pada tahun ini disemarakkan dengan Perbarisan Raksasa yang diadakan di Penanjong Garison. Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 pada tahun ini melibatkan anggota-anggota yang terdiri daripada prajurit-prajurit Tentera Darat Diraja Brunei, Tentera Laut Diraja Brunei, Tentera Udara Diraja Brunei, Rejimen Pasukan Khas dan Gabungan Askar Wanita Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Manakala Majlis Doa Kesyukuran Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 pula diadakan pada hari Khamis, 30 Mei 2024 dengan tumpuan acara di Surau Ad Difa' Bokiah Garison.

Acara kemuncak sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 pada tahun ini akan melibatkan kehadiran jemputan-jemputan khas dan dibukakan kepada kunjungan orang ramai. Dengan berkonsepkan perkembangan serta evolusi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, oleh itu sambutan hari kemuncak dirapikan lagi dengan melibatkan segmen Pameran Keupayaan ABDB dan Pameran Industri Pertahanan berkesinambungan daripada Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-62 dan pada tahun ini buat julung kalinya, acara kemuncak dimeriahkan lagi segmen *Solidarity Jump* yang melibatkan penerjun-penerjun payung Pasukan Khas daripada 11 buah negara-negara angkatan sahabat yang mempunyai hubungan kerjasama pertahanan dengan ABDB.

Seperti tahun sebelumnya, sambutan pada tahun ini juga akan melibatkan beberapa aktiviti berunsur Kemasyarakatan dan Keagamaan yang menjurus kepada usaha *outreach* Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada masyarakat dalam menanai hasrat *Whole of Government Approach* melalui penglibatan bersama *stakeholders* berkepentingan, agensi-agensi keselamatan dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan. Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 pada tahun ini diselaraskan dengan tema sambutan iaitu “Bersama Menjayakan Wawasan Negara”, komitmen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam sama-sama mendukung usaha visi dan aspirasi jangka masa panjang negara melalui Wawasan Negara 2035.

Bagi mengekalkan kemeriahan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini, acara dan aktiviti seperti tahun-tahun sebelumnya dikekalkan. Antara lain acara yang akan diungkayahkan adalah Majlis Penyampaian Cenderahati kepada Anak-Anak Lahir pada 31 Mei 2024. Selain itu, aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan juga turut diungkayahkan yang antaranya ialah Majlis Doa Kesukuran, Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja, Majlis Khatam Al-Quran, Projek Titian Amal, Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan, Kempen Derma Darah, Projek Khatamali Habbah dan Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran.

Dalam kesempatan ini, Peramba/Koala/Saya dengan tulus ikhlas dan taat setia, mewakili Ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-63 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan rendah hati menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bercemar Duli serta ahli-ahli Kerabat Diraja ke Upacara Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 ini.

Àakhir Kalam, Peramba/Koala/Saya secara peribadi dan bagi mewakili Ahli Jawatankuasa Sambutan hari Ulang Tahun Ke-63 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan rendah hati merakamkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pegawai-Pegawai, Lain-lain Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, kakitangan awam Kementerian Pertahanan dan Kementerian-Kementerian Kerajaan, pihak swasta, para penaja, media massa serta semua pihak yang telah menyumbangkan sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam mengorbankan masa dan tenaga demi menjayakan Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-63 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini.

وَبِاللّٰهِ الشُّفٰقُ وَالْهٰدِيَةُ وَالسَّلَامُ عَلٰيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



# ATURCARA

## PROGRAMME

## **ATURCARA/PROGRAMME**

- 0845 pagi - Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja di Mes Pegawai Penanjong Garison dan dijunjung bersemayam di Bilik Khas

*The arrival of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, The Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office and Members of the Royal Family at the Officers' Mess, Penanjong Garrison*

- 0855 pagi - Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Padang Kawad Institut Latihan, Penanjong Garison dan berkenan menerima Tabik Hormat Diraja

*The arrival of His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, The Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office at the Parade Square, Training Institute, Royal Brunei Armed Forces, Penanjong Garrison and consented to receive the Royal Salute*

- 0900 pagi - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Kawad Institut Latihan, Penanjong Garison dan berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya berangkat memeriksa Pasukan-Pasukan Perbarisan

*The arrival of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at the Parade Square, Training Institute, Royal Brunei Armed Forces, Penanjong Garrison and consented to receive the Royal Salute and inspect the Parade*

- Pasukan-pasukan perbarisan dengan Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Panji-panji Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bergerak berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat

*The Parade and the Royal Colours of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Royal Brunei Armed Forces marching in slow and quick time*

- Pasukan-pasukan perbarisan mara ke hadapan untuk diperhati semula

*The Parade advance in review order*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam consented to deliver a Titah*

- Tiga Kali Daulat untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

*Three chants of "Daulat Kebawah Duli Tuan Patik" to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam*

- Bacaan Doa oleh Pemangku Pengarah Jabatanarrah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

*Recital of Doa by the Acting Director of Royal Brunei Armed Forces Religious Directorate*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima Tabik Hormat Diraja dan diikuti dengan Terbang Lalu pesawat-pesawat Tentera Udara Diraja Brunei

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam receive the Royal Salute followed by the Royal Brunei Air Force aircraft's fly-past*

0958 pagi - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja berangkat dan dijunjung bersemayam di Bilik Khas, Mes Pegawai Waran dan PTB Kanan, Penanjong Garison untuk Santap Ringan

*The arrival of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family at VIP room Warrant Officers', Staff Sergeants' and Sergeants' Mess of Penanjong Garrison for Light Refreshment*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung untuk Bergambar Ramai bersama PTB-PTB Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family consented to a group photo session with Royal Brunei Armed Forces' Senior Non-Commissioned Officers*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung untuk menandatangani lembaran kenangan keberangkatan.

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Bilah, The Crown Prince consented to sign the Royal Parchments*

1016 pagi - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja berangkat dan dijunjung untuk menyaksikan acara *Solidarity Jump* di Padang Bola B, Penanjong Garison

*The arrival of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family at Football Field B, Penanjong Garisson to witness the Solidarity Jump*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung untuk bergambar ramai bersama penerjun-penerjun *Solidarity Jump*

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family consented to a group photo with Solidarity Jump paratroopers*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Dewan Nikmat, Penanjong Garison untuk menyaksikan Pameran Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan

*The arrival of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family arrive at Dewan Nikmat to view the Military Capability Display and Defence Industry Exhibition*

- 1031 pagi
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung melawat ke Pameran Keupayaan baharu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Zon A)

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family consented to visit Royal Brunei Armed Forces Military Capabilities Display (Zone A)*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung melawat Pameran Industri Pertahanan (Zon B)

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family consented to visit Defence Industries Exhibition (Zone B)*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung untuk Bergambar Ramai bersama peserta-peserta Pameran Industri Pertahanan

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Hajji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family consented to a group photo with participants of the Defence Industries Exposition*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung melawat Pameran *Land Tactical Mobility* (Zon C)

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Hajji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family consented to visit Land Tactical Mobility Display (Zone C)*

- 1120 pagi - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Mes Pegawai, Penanjong Garison bagi Majlis Santap Tengahari

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Hajji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family consented to a Royal Banquet Luncheon at the Officers' Mess, Penanjong Garrison*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi acara memotong kek Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam consented to grace the Royal Brunei Armed Forces anniversary's cake cutting ceremony*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung bagi menerima Pesambah

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and His Royal Highness Prince Hajji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince consented to receive Pesambah*

- Bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanarrah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

*Recital of Doa Selamat by Acting Director of Royal Brunei Armed Forces Religious Directorate*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung bagi Santap Tengahari

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Hajji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family constened to a Royal Banquet Luncheon*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung bagi sesi Ramah Mesra bersama Duta-Duta Besar Istimewa dan Multak, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Penasihat-penasihat/Atase-atase Pertahanan ke Negara Brunei Darussalam, Penerjun-penerjun Solidarity Jump, Peserta-peserta Kursus Bahasa Inggeris di Pusat Evolusi Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Peserta-peserta kursus antarabangsa yang mengikuti Kursus Maktab Turus di Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesara-pesara Tentera, Ketua-ketua Peserta Industri Pertahanan, Penaja-penaja, anggota gabungan peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Ahli-ahli Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family proceed for Ramah Mesra session with the Ambassadors Extraordinary and Plenipotentiary, High Commissioners, Defence Advisors/Attachés to Brunei Darussalam, Solidarity Jump Paratroopers, International Students participating in English Course at the Evolution Centre Training Institute Royal Brunei Armed Forces and the Command & Staff Course at the Defence Academy Royal Brunei Armed Forces as well as Retired Armed Forces personnel, sponsors, officers and other rank personnel of Royal Brunei Armed Forces and members of Royal Brunei Armed Forces Band*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince consented to sign the Royal Parchments*

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja dijunjung bergambar ramai bersama Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Jawatankuasa Eksekutif Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan, Mantan-mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jemputan Khas, Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Penerjun-penerjun Solidarity Jump dan gabungan peringkat anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family consented to a group photo with Defence Executive Committee, Royal Brunei Armed Forces Executive Committee, Former Deputy Ministers of Defence, Former Commanders of the Royal Brunei Armed Forces, Senior Officers of the Royal Brunei Armed Forces, Solidarity Jump paratroopers and other ranks of the Royal Brunei Armed Forces*

1230 - Keberangkatan balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja

*His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah, The Crown Prince and Members of the Royal Family depart the Officers' Mess Penanjong Garrison*



Imbasan  
Hari Kemuncak  
Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-62  
11 Zulkaedah 1444H / 31 Mei 2023M

Bertempat  
Pangkalan Tentera Udara Rimba  
Tentera Udara Diraja Brunei





























Imbasan  
Majlis Doa Kesyukuran  
Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-62  
11 Zulkaedah 1444H / 30 Mei 2023M

Bertempat  
Surau Ad Difa'  
Bolkiah Garison

















Tonggak Pertahanan

# **TONGGAK PERTAHANAN BERSAMA MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA**

PERKEMBANGAN Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sejak penubuhannya kini yang telah menjangkau 63 tahun adalah ukuran matangnya sesebuah institusi. Dalam tempoh enam dekad ini, ABDB telah menjalani pelbagai perubahan dan evolusi yang menarik, khususnya dalam meningkatkan peranannya sebagai pemangkin dalam memperkasa kedaulatan negara dengan lebih terarah, cekap dan berupaya.

## **TONGGAK PERTAHANAN (*DEFENCE PILLARS*)**

ABDB akan terus konsisten dalam mendukung Aspirasi Pertahanan negara melalui Kertas Putih Pertahanan yang diselaraskan dengan Wawasan Brunei 2035. Oleh itu, Dasar Pertahanan yang jelas merupakan aspek penting untuk dijadikan panduan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara yang berfalsalahkan Melayu Islam Beraja terpelihara. Untuk mencapai objektif ini, tonggak pertahanan negara yang merangkumi tiga strategi penting telah dikenalpasti iaitu; Cegah Rintang dan Respon (*Deterrent and Response*), Diplomasi Pertahanan (*Defence Diplomacy*), dan Pertahanan Holistik (*Holistic Defence*). Tiga Tonggak Pertahanan ini juga adalah asas kepada pembentukan Postur Pertahanan negara sebagai sebuah negara yang Merdeka dan berdaulat dengan pendiriannya sendiri.

### **CEGAH RINTANG DAN RESPON (*DETERRENT AND RESPONSE*)**

Cegah Rintang dan Respon adalah strategi yang penting dalam menghalang dan merespon ancaman terhadap keselamatan negara samada dari dalam maupun luar negara.

Melalui evolusi keupayaan pertahanan, ABDB secara berterusan mampu meningkatkan keberkesanannya dalam cegah rintang ancaman dengan kemampuan untuk mengesan (*detect*) ancaman melalui pengawasan (*surveillance*) yang berterusan di tempat-tempat strategik oleh anggota-anggota yang berkepakaran dan menggunakan aset-aset berteknologi.

ABDB juga mampu melaksanakan respon bersesuaian terhadap apa juu ancaman mengikut garispandu yang ditetapkan dengan lebih efisien melalui penggunaan aset-aset yang ada dan yang baru diperolehi.

## **DIPLOMASI PERTAHANAN (*DEFENCE DIPLOMACY*)**

Jaminan keselamatan sesebuah negara bukan hanya bergantung kepada keupayaan tentera semata-mata. Sebaliknya, Diplomasi Pertahanan yang kukuh bersama negara-negara luar adalah penting untuk membina persefahaman dan kerjasama yang dapat meningkatkan keyakinan dan saling kepercayaan yang setentunya dapat memupuk kestabilan dan keamanan serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam menyedari perkara ini sejak dulu lagi dan di era masa ini, kepentingan Diplomasi Pertahanan tidak dapat diketepikan dengan cabaran pergolakan dunia yang kompleks dan dinamik serta ancaman dari aktiviti rentas sempadan serta perubahan iklim memerlukan kerjasama yang erat khususnya bersama dengan negara-negara serantau. Ke arah itu, ABDB akan terus komited dalam meningkatkan Diplomasi Pertahanan bersama Angkatan-angkatan Tentera Negara Sahabat melalui pertukaran lawatan, penghantaran kursus, latihan ketenteraan bersama, perkongsian maklumat dan pertukaran anggota di peringkat dua hala dan pelbagai hala. Dalam perspektif pelbagai hala, ASEAN merupakan platform yang penting dalam meningkatkan kerjasama dan persefahaman di rantau Asia Tenggara. Dalam hal ini, ABDB telah memainkan peranannya untuk menyumbang ke arah mengukuhkan keamanan dan kestabilan serantau umpamanya melalui *ASEAN Chief of Defence Force Meeting* dan juga *ASEAN Defence Ministers' Meeting*.

Melalui Diplomasi Pertahanan selain mengukuhkan persahabatan dengan negara luar, ABDB juga mampu meningkatkan tahap kepakaran anggotanya serta meningkatkan keberkesanannya sebagai institusi pertahanan melalui pengadopsian amalan-amalan terbaik yang bersesuaian daripada negara luar.

## **PERTAHANAN HOLISTIK (*HOLISTIC DEFENCE*)**

Pertahanan Holistik menggariskan pendekatan yang menyeluruh dan bersepada terhadap keselamatan negara, khususnya melalui Pendekatan Seluruh Kerajaan atau '*Whole of Government Approach*' seperti Operasi Bersepada dalam menguatkuasakan undang-undang negara telah menunjukkan keberkesan dan pencapaian operasi yang terus meningkat.

Manakala bagi Pendekatan Senegara atau '*Whole of Nation Approach*' pula melibatkan peranan masyarakat serta pihak swasta untuk sama-sama bertanggungjawab membantu pihak kerajaan dalam menegakkan undang-undang dan melaksanakan inisiatif negara untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan keutuhan sosial.

Ke arah ini, ABDB juga memainkan peranannya yang antara lain membantu memelihara keselamatan, menguatkuasakan undang-undang serta menangani bencana dan kecemasan melalui meningkatkan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain serta mengeratkan hubungan dengan masyarakat melalui inisiatif-inisiatif tertentu umpamanya melalui projek Titian Amal.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, tiga tonggak pertahanan ini merupakan pendekatan untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam menjaga kedaulatan dan memelihara keselamatan negara ini, bukan sahaja menjadi tanggungjawab ABDB malahan memerlukan penglibatan, peranan dan sumbangan holistik dari pihak-pihak berkepentingan dan segenap lapisan masyarakat serta seluruh warganegara Brunei Darussalam. Oleh itu, dengan adanya keselamatan dan keamanan barulah kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan keutuhan sosial dapat dicapai.



## Huraian Logo dan Tema

Tema sambutan HUT ABDB Ke-63 pada tahun ini adalah “Bersama Menjayakan Wawasan Negara”. Tema ini masih mengekalkan tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2023 iaitu “Menjayakan Wawasan Negara”. Tema ini bertepatan dengan peranan ABDB, iaitu mendokong kemajuan dan pembangunan negara secara holistik dengan memastikan persekitaran yang aman dan damai melalui pertahanan dan sekuriti yang jitu. Logo HUT ABDB Ke-63 ini direka berbentuk bulat dengan latar belakang warna *Heathered Grey* yang dikelilingi dengan warna bendera Negara Brunei Darussalam ‘Kuning, Putih, Merah dan Hitam. Latar Belakang berwarna *Heathered Grey* tersebut menunjukkan perkembangan ABDB dari sudut hubungan diplomasi pertahanan dan kesepaduan pertahanan negara yang telah dicapai. Pameran Pertahanan (*Defence Exhibition*) mempamerkan kerjasama ABDB bersama bukan sahaja dengan agensi-agensi awam dan kerajaan serta pembekal-pembekal dalam negara bahkan juga dari luar negara. Selain daripada itu, acara *Solidarity Jump* yang julung kali diadakan dalam sejarah sambutan HUT ABDB telah menampilkan penerjun pasukan khas (*Military Freefall Parachuting*) daripada beberapa buah negara sahabat yang mempunyai hubungan pertahanan dengan ABDB. Acara seumpama ini setentunya akan dapat mempromosikan hubungan diplomasi pertahanan dengan melibatkan ‘*people to people interaction*’ dan memupuk kesefahaman yang dapat menyumbang kepada keamanan dan kestabilan di rantau ini dan arena global.

Lambang Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mempamerkan dan mencerminkan evolusi perkembangan semenjak ianya ditubuhkan pada tahun 1961 yang dinamakan Askar Melayu Brunei dan Askar Melayu Diraja Brunei pada 31 Mei 1965. Setelah mencapai kemerdekaan penuh pada 1 Januari 1984, Askar Melayu Diraja Brunei telah dinamakan kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Ianya memperlihatkan gabungan angkatan-angkatan Tentera ABDB iaitu Tentera Darat Diraja Brunei, Tentera Laut Diraja Brunei, Tentera Udara Diraja Brunei dan Markas Angkatan Bersama. Kesemua Angkatan Tentera ini memainkan peranan utama dalam mempertahankan Kedaulatan Raja bagi sama-sama mendukung warisan bangsa melayu dengan berteraskan pegangan agama Islam yang unggul sebagai filosofi negara iaitu Melayu Islam Beraja. Logo sambutan pada tahun ini menandakan usia ABDB telah menjangkau usia Ke-63 Tahun serta melambangkan perkembangan unit-unit angkatan tentera yang sentiasa berkembang dan bertahan kukuh serta sentiasa bersiap siaga dalam mempertahankan kedaulautan, kedamaian dan keamanan Negara secara berterusan.



KEK

## SINOPSIS KEK SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-63

Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) merupakan detik bersejarah dan menjadi kebanggaan bagi seluruh warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dengan itu, reka bentuk kek sempena HUT ABDB adalah direka khas dengan maksud tersendiri dan dimanifestasikan melalui reka bentuk dan lapisan, warna dan hiasan.

Reka bentuk kek ini mempunyai dua lapisan. Lapisan pertama, dalam bentuk Bintang lapan penjuru yang dikaitkan dengan Bintang lambang Islam. Ini menandakan Agama Islam adalah panduan bagi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam ciri-ciri sebagai sebuah orgnisasi pertahanan yang mapan berpandukan kepada Nilai-nilai Teras ABDB iaitu Taqwa, Setia, Berani dan Professional untuk mencapai objektif.

Lapisan kedua, dalam bentuk bulat yang melambangkan kestabilan dan kesinambungan yang mana bentuk tersebut tidak mempunyai hujung atau sudut yang tajam yang melambangkan kewujudan yang harmoni dan seimbang. Ini juga melambangkan keteguhan ABDB selama 63 tahun di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Manakala, logo unit-unit Angkatan Tentera mengelilingi lapisan kedua melambangkan semangat nasionalisme, setiaawan dan kesiagaan ABDB dalam mendukung dan mempertahankan kedaulatan raja, agama, bangsa dan negara selaras dengan misi untuk ‘Mempertahankan Kedaulatan, Keutuhan Wilayah dan Mendokong Perlembagaan dan Falsafah Melayu Islam Beraja’. Di atas lapisan kedua ini juga diletakkan logo sempena Sambutan HUT ABDB Ke-63.

Warna Kuning pada reka bentuk kek ini melambangkan kedaulatan sistem Beraja dan kegembilan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Manakala, warna jalur Putih, Merah, Hitam, yang terdapat pada reka bentuk kek ini diambil sempena warna bendera Negara Brunei Darussalam dan warna Rejimen ABDB yang melambangkan semangat patriotisme.

Uliran corak bunga Air Mulih berwarna hitam keemasan pada reka bentuk kek ini melambangkan identiti, tradisi dan kebudayaan masyarakat Melayu yang menjadi cerminan kepada sikap, akhlak dan peranan ABDB dalam melaksanakan mandat untuk berkorban demi negara.



PESAMBAH

## **SINOPSIS PESAMBAH SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-63**

Basikal model *Trek Rail*, merupakan sebuah *Mountain E-Bike* yang mempunyai keupayaan melalui jalan *off-road* dan *trail* dan dapat digunakan dalam aktiviti tahan lasak merentasi kawasan trail yang berbukit dengan pelbagai rintangan. Dengan corak penyamaran eksklusif *Camouflage Multicam*, ianya menjadikan *E-Bike* ini lebih tersergam sebagai kenderaan yang robust serta dapat meredah kawasan yang sukar dilalui dan dapat dikaitkan dengan keupayaan dan ciri-ciri ketenteraan yang tangkas, cekap dan berani.

Antara keupayaan *Mountain E-Bike* adalah kemampuannya untuk melalui jalan terbatas dan pergerakannya cekap di kawasan pedalaman. Justeru, keupayaan ini telah menjadikan *E-Bike* antara kelengkapan taktikal yang sangat sesuai digunakan untuk operasi di kawasan pedalaman dan kawasan yang memerlukan pergerakan dengan senyap serta cepat. *Mountain E-Bike* ini, menggambarkan bahawa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sangat mengambil kira dan menghargai terhadap apa jua nilai keupayaan sesuatu aset mahupun kelengkapan yang mempunyai teknologi dan dapat memberi sumbangan terhadap keperluan dan kejayaan dalam apa jua operasi.

Pesambah ini merupakan penghargaan daripada seluruh warga ABDB yang memperlihatkan pucuk pimpinan yang sangat peka terhadap keadaan semasa dengan memanfaatkan teknologi. Dengan kepekaan serta adaptasi terhadap kebaikan teknologi, setentunya akan membawa ABDB untuk terus berkembang seiring dengan peredaran kemajuan yang dinamik.



## Solidarity Jump





Acara *Solidarity Jump* diadakan pada 1 Jun 2024 sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-63 mengambil tempat di Penanjong Garison. Acara ini merupakan acara yang julung kali diadakan dalam sejarah sambutan HUT ABDB. Acara ini menampilkan penerjun-penerjun pasukan khas daripada beberapa buah negara sahabat yang mempunyai hubungan pertahanan bersama ABDB. Negara-negara yang telah dijemput dalam sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan lagi acara sambutan HUT ABDB pada tahun ini adalah terdiri daripada 11 buah negara-negara iaitu Australia, Bahrain, Jordan, Korea Selatan, Malaysia, Pakistan, Republik Indonesia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan United Kingdom.



Acara ini berfungsi sebagai *platform* untuk berkongsi pengalaman, bertukar pengetahuan dan memupuk hubungan yang lebih erat di antara pasukan khas Negara-negara yang mengambil bahagian. Acara ini juga akan dapat mengukuhkan lagi hubungan diplomasi pertahanan dengan mengiktiraf nilai hubungan antara peringkat anggota dapat meningkatkan kesefahaman dan kepercayaan dan sekaligus mengukuhkan kestabilan dalam arena keselamatan serantau dan global. Seramai 22 penerjun pasukan khas daripada negara-negara sahabat dan 9 penerjun antara peringkat dari anggota-anggota Rejimen Pasukan Khas ABDB serta anggota-anggota dari 31 Skn Unit Payung Terjun dan Payung Taktikal Udara TUDB akan membuat penerjunan diketinggian 10,000 kaki dari pesawat TUDB C295MW dan mendarat di Padang Bola, Penanjong Garison.

Disamping itu juga, para penerjun berpeluang untuk junjung ziarah ke-hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja yang lain.



*Scan QR Code For English Version*



# RBAF DEFEXPO

IN CONJUNCTION WITH  
63<sup>RD</sup> RBAF ANNIVERSARY

# 2024



Pameran Keupayaan Tentera

Pameran Keupayaan Tentera adalah merupakan segmen ketiga acara Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Ke-63. Segmen ini mempamerkan dua bahagian pameran yang terdiri daripada Pameran Kelengkapan Keupayaan baharu ABDB dan Pameran Industri Pertahanan.

Dengan tema “*Defending the Nation Together: Enhancing Integrated Land Operations*” yang bermatlamat untuk meningkatkan kesepaduan pertahanan negara di antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan agensi-agensi awam dan bukan kerajaan, pameran ini mengetengahkan kelengkapan dan aset-aset terkini yang diperolehi oleh setiap Angkatan Tentera ke arah mengukuhkan lagi keupayaan unit-unit dalam mencapai misinya. Selain itu, Pameran Industri Pertahanan memfokuskan kepada perkembangan dan inovasi ketenteraan terhadap kelengkapan-kelengkapan *land-based* yang akan merevolusikan Tentera Darat Diraja Brunei di masa hadapan dengan bertindak sebagai *force multiplier* untuk mencapai saling kebolehoperasian sejajar dengan konsep operasi *combined arms*, disamping mempamerkan kelengkapan-kelengkapan sekuriti yang diperlukan agensi-agensi keselamatan lain. Syarikat-syarikat industri pertahanan antarabangsa yang terdiri daripada dua puluh (20) negara telah turut serta dalam sama-sama menjayakan pameran ini.

Pameran pada kali ini juga menunjukkan komitmen ABDB dalam menjaga keamanan negara dan mempertahankan kedaulatan tanah air dengan pendekatan *Whole-of-Nation (WONA)* bersama agensi-agensi keselamatan yang lain. Melalui konsep kesepadan ini juga, penerokaan ABDB dalam memperkembangkan keupayaannya melalui teknologi terbaru akan menjadi pemacu utama nukleus Industri Pertahanan di Negara Brunei Darussalam dengan penglibatan agensi-agensi bukan kerajaan dan syarikat-syarikat tempatan. Industri pertahanan tersebut seterusnya diharapkan akan mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mencapai pembangunan ekonomi dinamik dan mapan.



Scan QR Code For English Version



SER	COMPANY	COUNTRY	BOOTH		SER	COMPANY	COUNTRY	BOOTH
01	BELTS		B1		24	GLAMCO		
02	CREATIVEX		B2		25	GROB		B23
03	PAGE EUROPA		B3		26	DND		B24
04	NORTAC		B4		27	HIRTENBERGER		
05	INTERSEC		B5		28	JOHN COCKERILL		B25
06	FURUNO		B6		29	DILLON AERO		
07	DAHER		B7		30	AML SYSTEMS/ ARQUUS		B26
08	BARZAN GROUP		B8		31	ONEBERRY		B27
09	RMMV		B9		32	MBDA		B28
10	KNDS		B10		33	THEON SENSORS		B29
11	REPAIRCRAFT		B11		34	NOR & ALLAN		B30
12	HOPE TECHNIK		B12		35	NiAT		B31
13	TRD SYSTEMS		B13		36	GUAN HOCK LEE		B32
14	ASTROPHYSICS		B14		37	SRS		B33
15	OWS AUTOMATIVE SOLUTIONS LLC		B15		38	DRONESHIELD		B34
16	DHIEL DEFENCE		B16		39	SUPACAT		B35
17	HAIX		B17		40	CIS TECH		
18	FN HERSTAL		B18		41	EPE		B36
19	CRIB GOUGH CO LTD		B19		42	BHARAT ELECTRONICS LTD		B37
20	THERMOTEKNIX		B20		43	MKU		B38
21	FNSS		B21		44	TANAHAIR TECHNOLOGIES		B39
22	EXPAL SA			B22	45	MINDMATICS SDN BHD		B40
23	ARQUIMEA GROUP				46	ST ENGINEERING		B41
								B42
								B43

SER	COMPANY	COUNTRY	BOOTH
47	GHK		C1
			C2
48	METRAVIB		C3
49	CENDANA		C4
50	MILDEF INTERNATIONAL TECHNOLOGIES SDN BHD		C5
51	TACTICS SOG INDUSTRIES INC		C6
52	CHAI SERI DEFENCE		C7
53	COLT MANUFACTURING COMPANY LCC		C8
54	L3 HARRIS TECHNOLOGIES		C9
55	WESCAM		
56	AERODYNE RESEARCH MANUFACTURING LTD		C10
57	CUBIC TECHNOLOGIES		C11
58	COMERAOME GROUP		C12
59	ROTRON AEROSPACE LTD		C13

## **PROJEK C295MW**



Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) telah giat menjalankan usaha pemodenan aset selama tiga tahun kebelakangan ini untuk memastikan unit ini terus berkeupayaan melaksanakan peranannya dan bertindak balas dengan lebih baik terhadap cabaran semasa. Dalam usaha ini, Projek *Unmanned Aerial System (UAS)* telah melengkapkan TUDB dengan sembilan (9) pesawat *In situ Integrator UAS*, yang dilengkapi dengan sensor canggih bagi meningkatkan keupayaan *Intelligence, Surveillance, and Reconnaissance (ISR)* di ruang udara Brunei Darussalam.

Selain daripada itu, Projek Pengangkutan Udara yang baru iaitu dua (2) daripada empat (4) pesawat C295MW, yang akan memperkuuh keupayaan pengangkutan udara strategik TUDB. Ini akan membolehkan Brunei Darussalam memainkan peranan yang lebih besar dalam menyumbang kepada ASEAN serta meningkatkan jangkauan operasi negara ini.

## **PROJEK H145M SUPPORT HELICOPTER**



Tentera Udara Diraja Brunei telah menandatangani perjanjian dengan *Airbus Helicopters S.A.S.* pada 30 April 2024 bagi perolehan enam (6) pesawat helikopter H145M. Armada ini akan dilengkapi dengan sistem senjata canggih untuk memberikan keupayaan *Close Air Support (CAS)* yang kritikal semasa operasi. Selain itu, pesawat helikopter ini juga boleh disesuaikan untuk melaksanakan pelbagai peranan lain seperti pengangkutan pasukan, *MEDEVAC*, *CASEVAC*, dan pengangkutan *VVIP*.

Pesawat helikopter H145M ini juga akan digunakan dalam pelbagai misi termasuk rondaan sempadan, rondaan maritim, dan operasi pasukan khas, menjadikan ia aset yang serba boleh dan penting bagi keselamatan negara.



Poster





# سُبْرُوتَنْ هَارِيَّاً أَوْلَ تَاهُودَ اكْتَدَ بِرْسَنْجَاٰتَ بِرَاجِ بِرُونِيَّاٰ ٦٣ -

SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-63  
ROYAL BRUNEI ARMED FORCES 63RD ANNIVERSARY CELEBRATION

SABTU/SATURDAY | 23 ZULKAEDAH 1445H | 1 JUN 2024M

PENANJONG GARISON





Jawatankuasa Tertinggi  
Sambutan Hari Ulang Tahun  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei  
Ke-63

## PENAUNG



YANG MULIA  
MEJAR JENERAL DATO PADUKA SERI  
HAJI MUHAMMAD HASZAIMI BIN BOL HASSEN

PEMERINTAH  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

## PENASIHAT



YANG MULIA  
BRIGADIER JENERAL HAJI MOHAMMAD  
SHANONNZAM BIN SULAIMAN

PEMERINTAH  
TENTERA DARAT DIRAJA BRUNEI



YANG MULIA  
KEPTEN HAJI MOHAMMAD  
SARIF PUDIN BIN MATSERUDIN

PEMANGKU PEMERINTAH  
TENTERA LAUT DIRAJA BRUNEI



YANG MULIA  
BRIGADIER GENERAL (U) DATO SERI PAHLAWAN  
MOHD SHARIF BIN DATO PADUKA HAJI IBRAHIM

PEMERINTAH  
TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI



YANG MULIA  
KOLONEL (U) HISMAWADI BIN  
HJ MOHAMMAD SAID

PEMANGKU PEMERINTAH  
MARKAS ANGKATAN BERSAMA

## **PENGERUSI TERTINGGI**

Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat  
Timbalan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei

## **TIMBALAN PENGERUSI TERTINGGI I**

Kepten Khairil bin Haji Abd Rahman, TLDB  
Pemangku Timbalan Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei

## **TIMBALAN PENGERUSI TERTINGGI II**

Leftenan Kolonel Abdul Rajid bin Haji Zainie  
Pemangku Komandan Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

## **KETUA URUSETIA**

Leftenan Kolonel Azhar bin Haji Matzan  
Komandan  
Khidmat Bantuan Kombat  
Tentera Darat Diraja Brunei

## **TIMBALAN KETUA URUSETIA**

Mejar Abdul Rahim bin Haji Adris  
Timbalan Pegawai Pemerintah Rejimen Jurutera  
Tentera Darat Diraja Brunei

## **SETIAUSAHA I**

Mejar Zulfadli bin Haji Abdul Rahman  
Timbalan Pegawai Turus Logistik  
Markas Khidmat Bantuan Kombat  
Tentera Darat Diraja Brunei

## **SETIAUSAHA II**

Mejar Noormimi Hasmilah binti Haji Abdul Hamid  
Timbalan Pegawai Turus Perisikan & Keselamatan  
Markas Khidmat Bantuan Kombat  
Tentera Darat Diraja Brunei

## **BENDAHARI**

Kapten Nurafifi binti Abdul Jalil  
Pegawai Gaji  
Markas Khidmat Bantuan Kombat  
Tentera Darat Diraja Brunei

## **PROTOKOL**

Mejar (U) Muhammad Yusra bin Awg Jafar  
Pegawai Turus Protokol  
Jabatanarah Keanggotaan

## **KESIHATAN DAN KESELAMATAN KERJA**

Mejar (U) Haji Asbi bin Haji Awang Anuar  
Pegawai Turus Inspektorat (KKK)  
Unit Inspektorat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

## **TAJAN**

Mejar Aida Juraifah @ Aida Zuraifah binti Bujang  
Pegawai Turus Logistik  
Markas Angkatan Bersama  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

## **BANTUAN LOGISTIK & KELENGKAPAN**

Leftenan Kolonel Pengiran Nazri Amir bin Pengiran Dato Paduka Haji Md Zain  
Pegawai Pemerintah Depoh Logistik  
Khidmat Bantuan Kombat  
Tentera Darat Diraja Brunei

## **CENDERAHATI**

Mejar Khairani binti Haji Noor Ismadi  
Timbalan Pegawai Turus Logistik  
Medan Tentera Darat Diraja Brunei

## **SEKURITI & LALULINTAS**

Mejar Azaman bin Haji Hussin  
Pegawai Pemerintah Polis Tentera  
Kementerian Pertahanan

## **JEMPUTAN**

Mejar Narulismandy @ Anwar Hadi bin Haji Samaih  
Pegawai Turus Gerakan  
Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei  
Kementerian Pertahanan

## **BUKU PROGRAM, MEDIA & PERCETAKAN**

Leftenan Kolonel (U) Hasnul Alwe bin Haji Matassan  
Jurucakap Tentera  
Kementerian Pertahanan

## **PENGANGKUTAN**

Mejar (U) Pengiran Abd Aziz bin Pengiran Dato Paduka Haji Wahab  
Timbalan Pegawai Turus Inspektorat (Operasi)  
Unit Inspektorat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

## **PERHUBUNGAN, IT & VISUAL**

Leftenan Kolonel Pengiran Hairul Nizam bin Pengiran Haji Ali  
Ketua Pegawai Informasi  
Unit Teknologi Maklumat  
Kementerian Pertahanan

## **PERMAKANAN**

Mejar Hasnan bin Haji Manan  
Pegawai Turus Logistik  
Markas Tentera Darat Diraja Brunei

## **PERSATUAN PESARA ABDB**

Leftenan Kolonel (B) Ramli bin Adis

Yang Di-Pertua

Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

## **KEK**

Mejar Mohammad Fadhil bin Dato Paduka Haji Md Said

Timbalan Pegawai Turus Logistik

Markas Tentera Darat Diraja Brunei

## **PESAMBAH**

Leftenan Kolonel Haji Arsahrin bin Haji Ariff

Timbalan Komandan

Markas Khidmat Bantuan Kombat

Tentera Darat Diraja Brunei

## **ACARA PERBARISAN**

Leftenan Kolonel Mohamad Hanafi Azami bin Nayan

Pegawai Turus Pentadbiran

Jabatanarrah Keanggotaan

## **PRASARANA**

Hajah Wan Farhani binti Haji Suhaili

Pemangku Pengarah

Jabatanarrah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja

## **SOLIDARITY JUMP**

Mejar Mohamad Faizal bin Basri

Pegawai Pemerintah

Rejimen Pasukan Khas

Mejar Moza Syaffiarizal bin Haji Mohammad

Timbalan Pegawai Pemerintah

Rejimen Pasukan Khas

## **MAJLIS DOA KESYUKURAN**

Leftenan Kolonel Haji Mohd Alimin bin Haji Subohi

Pegawai Turus Perisikan

Jabatanarrah Perisikan

Kementerian Pertahanan

## **MAJLIS SANTAP TENGAHARI**

Mejar Nurulain Rawiah binti Haji Mohd Raub

Pegawai Pemerintah Sekolah Pertukangan Tentera

Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

## **PAMERAN INDUSTRI PERTAHANAN**

Leftenan Kolonel Mushiri Zulkhibri bin Haji Awang

Ketua Perkembangan Keupayaan Tentera

Tentera Darat Diraja Brunei

## **PAMERAN STATIK UNTUK AWAM**

Leftenan Kolonel Mohammad Ghazali bin Haji Hussin  
Pegawai Pemerintah Rejimen Jurutera  
Tentera Darat Diraja Brunei

## **HIBURAN**

Mejar Mohamad Idrus bin Haji Awang  
Pengarah Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei  
Jabatanarah Keanggotaan  
Kementerian Pertahanan

## **BAZAAR**

Donny Tan bin Abdullah  
General Manager KOWIRA

## **AKTIVITI KEMASYARAKATAN**

Komander Haji Norbahrin bin Haji Muamad, TLDB  
Ketua Sel Inspektorat Tentera Laut Diraja Brunei

## **AKTVITI KEAGAMAAN**

Leftenan Kolonel Awang Ariffin bin Amit@Hamid  
Pegawai Turus Tarbiyyah Agama  
Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei  
Kementerian Pertahanan

## **AJK SUKAN**

Leftenan (U) Md Saifulariffin bin Haji Adis  
Pemangku Penolong Ketua Pengurusan Sukan  
Pusat Optima Kecergasan Tentera  
Kementerian Pertahanan

JAWATANKUASA TERTINGGI  
HARI ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI  
KE-63



JAWATANKUASA URUSETIA  
HARI ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI  
KE-63





Jawatankuasa Perbarisan  
Sambutan Hari Ulang Tahun  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei  
Ke-63

## **PEMERINTAH PERBARISAN**

Leftenan Kolonel Mohammad Ghazali bin Haji Hussin  
Komander Mohammad Faizal Ezam bin Haji Abas, TLDB (Simpanan)

## **PEGAWAI TURUS PERBARISAN**

Leftenan Kolonel Mohamad Hanafi Azami bin Nayan Komander  
Malai Haszahrin bin Malai Yusof, TLDB  
Mejar (U) Pengiran Mohd Khairum bin Pengiran Haji Sulaiman

## **TIMBALAN PEGAWAI TURUS PERBARISAN**

Mejar Shahrul Amirul Iqbal bin Haji Sharbini  
Mejar Pengiran Abdul Hadi bin Pengiran Idris  
Leftenan Komander Mohammed Aiezuddin bin Julaini, TLDB  
Mejar (U) Pengiran Mohd Ajijol Nijam bin Pg Omar

## **SARJAN MEJAR PERBARISAN**

Pegawai Waran Satu (SM ABDB) Rosleen bin Tujoh

## **KAWALAN TENTERA DARAT DIRAJA BRUNEI**

### **KAWALAN PERTAMA**

Leftenan Kolonel Awangku Ridzamfaizal bin Pengiran Haji Salleh  
Leftenan Kolonel Norranellwii bin Siaran/Searan (Simpanan)

### **KAWALAN KEDUA**

Mejar Abdul Aziz bin Abdul Latif  
Mejar Muhammad Rushdi bin Haji Awang Yusuf (Simpanan)

### **PANJI-PANJI**

Leftenan Muhammad Syafiq Adli bin Haji Mohd Ja'afar  
Leftenan Haji Abdul Wa'ie bin Haji Tamin  
Leftenan Muhd Zulkhairi bin Haji Ahmad  
Leftenan Mohd Aerien Ahmad Azizi bin Haji Sahri (Simpanan)

## **KAWALAN TENTERA LAUT DIRAJA BRUNEI**

### **KAWALAN PERTAMA**

Komander Pengiran Mohammad Faren bin Pengiran Mohd Noor, TLDB  
Komander Saiful Hazril bin Ali, TLDB (Simpanan)

### **KAWALAN KEDUA**

Leftenan Komander Haji Marjidi bin Haji Abdul Rahman, TLDB  
Leftenan Komander Ahmad Zubair bin Abdul Nasir, TLDB (Simpanan)

### **PANJI-PANJI**

Leftenan Madya Muhammad Nabil bin Haji Suhaimi, TLDB  
Leftenan Madya Mohammad Shukri bin Mohd Shahminan, TLDB  
Leftenan Madya Abdul Matin Mahdi bin Matassan, TLDB (Simpanan)  
Leftenan Madya Muhammad Shafiq Hanafi bin Sahari, TLDB (Simpanan)

## **KAWALAN TENTERA UDARA DIRAJA**

### **KAWALAN PERTAMA**

Leftenan Kolonel (U) Pengiran Mohd Farisan bin Pengiran Haji Metassan  
Leftenan Kolonel (U) Anwar Shah bin Haji Napiah (Simpanan)

### **KAWALAN KEDUA**

Mejar (U) Haji Awangku Mohd Yazafaris bin Pengiran Haji Yamin  
Mejar (U) Abdul Haqim bin Haji Yahya (Simpanan)

### **PANJI-PANJI**

Leftenan (U) Muhammad Nur' Ifwat Hisyamuddin binti Haji Osman  
Leftenan (U) Muhammad Haziq Mu'izzuddin bin Haji Awang Yahya  
Leftenan (U) Muhammad Hariz bin Haji Ahat (Simpanan)  
Leftenan (U) Haji Muhammad Syazani Najmuddin bin Haji Mohd Nafiah  
(Simpanan)

## **KAWALAN REJIMEN PASUKAN KHAS**

Mejar Hafizan bin Haji Moksin

Mejar Azzirolly bin Semua Leftenan (Simpanan)

## **KAWALAN ASKAR WANITA**

Mejar (U) Maslia binti Nirus

Mejar Nurulaini binti Haji Mohd Zain (Simpanan)



## Senarai Nama-Nama Lagu Semasa Upacara Perbarisan Raksasa

Panji-Panji Masuk Baris	Panji-Panji Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Masuk Baris	Jejak Langkah Pewira TDDB Sepadu
Ketibaan	Pahlawan Satria
Hormat Diraja	Allah Peliharakan Sultan
Pemeriksaan	Pewiraku <i>The Supreme Commander's March</i> Tanda Kasih
Perlahan Jalan	<i>Coburg</i> <i>Scipio</i> Insan Mulia <i>By Land And Sea</i> Berkorban Apa Saja
Cepat Jalan	Tekad Satria <i>Happy Birthday</i> <i>The Voice of The Gun</i> Ikran TDDB Seruan Perwira (Lagu Baharu)
Mara Untuk Diperhati Semula	Brunei Tanah Airku
Hormat Diraja	Allah Peliharakan Sultan
Keluar Baris	Pahlawan Bangsaku
Panji-Panji Keluar Baris	Panji-Panji Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

## SINOPSIS LAGU SERUAN PERWIRA



Lagu instrumental ini karya ciptaan salah seorang *Bandmaster* Pancaragam ABDB iaitu 15039 Pegawai Waran Dua Mohammad Rizan Azri bin Haji Seruji.

Lagu instrumental “Seruan Perwira” dengan mengandungi irama yang dicipta untuk membakar semangat bertujuan menginspirasi para pemuda dan pemudi untuk menyertai bidang ketenteraan. Melalui irama serta gubahannya yang menyalakan semangat, lagu instrumental ini juga menggambarkan tugas mulia sebagai seorang tentera dalam mempertahankan kedaulatan negara, sama ada di darat, laut, atau udara. Ia menyeru kepada taat setia yang tidak berbelah bahagi dalam memikul amanah besar ini disepanjang masa.

Diserapkan dalam lagu “Cepat Jalan”, “Seruan Perwira” bukan sekadar menyeru pemuda dan pemudi Brunei Darussalam untuk menyertai kerjaya ketenteraan, tetapi juga menjadi penyuntik semangat dan pembangkit semangat yang tinggi kepada para tentera ketika sedang berkawad. Dengan irama yang megah yang penuh inspirasi, lagu instrumental ini menjadikan setiap langkah anggota-anggota berkawad lebih tajam, kemas dan bersatu padu.

## **PENGARAH PANCARAGAM ABDB**

Mejar Md Idrus bin Haji Awang

## **PENOLONG PENGARAH PANCARAGAM ABDB**

Leftenan Madya Md Hafizuddin bin Md Yusof, TLDB

## **PEGAWAI MUZIK TLDB**

Leftenan Nurul Hairani binti Haji Abdul Hamid, TLDB

## **SARJAN MEJAR PANCARAGAM**

Pegawai Waran Satu Pg Wira Suhardy bin Pg Haji Abd Kadir

## **BANDMASTER**

Pegawai Waran Dua Mohd Rizan Azri bin Haji Seruji

## **DRUM MEJAR**

Pegawai Waran Dua Md Shamsul bin Haji Md Salleh



Firman

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

‘Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebaikan), kuatkanlah kesabaran kamu (dalam menghadapi orang-orang kafir) dan bersiap sedialah (dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu) serta bertaqwalah kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).’

Surah Ali-‘Imran, Ayat 200

‘Dan sediakanlah untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) dengan apa jua kekuatan yang kamu termampu dan daripada kuda-kuda yang disediakan untuk berperang supaya kamu dapat menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta orang-orang lain selain daripada mereka itu yang kamu tidak mengetahuinya sedangkan Allah mengetahui mereka. Dan apa jua yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan (ganjaran pahalanya) kepada kamu dan kamu pula tidak dianiaya (tidak dikurangkan pahala).’

Surah Al-Anfal, Ayat 60

‘Tidaklah sama (dari segi darjat dan pahala) orang-orang beriman yang tinggal (tidak turut berjihad) selain daripada orang-orang yang mempunyai keuzuran dengan yang berjihad pada jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal (tidak turut berjihad kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat. Dan setiap golongan itu Allah janjikan ganjaran yang baik (syurga), dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berjihad tanpa keuzuran) pahala yang sangat besar.’

Surah An-Nisa’, Ayat 95



Pengerusi Tertinggi serta Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 dengan penuh hormat dan takzim sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu serta unit-unit yang terlibat, dalam sama-sama menjayakan sambutan bagi tahun 2024 ini, di atas sumbangan yang telah diberikan dan tidak lupa kepada jemputan-jemputan khas serta seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sama-sama berkesudian menyaksikan Perbarisan Raksasa serta Pameran Statik.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada:

**Jabatan Perdana Menteri**

Pasukan Polis Diraja Brunei

Jabatan Adat Istiadat Negara

Radio Televisyen Brunei

Jabatan Penerangan

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Pihak Penaja yang budiman

Dan mereka yang telah sama-sama menyumbang tenaga dan usaha ke arah menjayakan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 pada tahun ini.

Mudah-mudahan segala amal bakti yang disumbangkan akan menerima ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Āamiin.....



**Nor & Allan**  
Enterprise & Employment Agency

**Serikandi**  
Cafe & Restaurant



**NYONYA**  
RESTAURANT

**SAMIMA**  
Your office & school superstore  
KUULAP 1 • KUULAP 2 • RIMBA • MENTIRI 1 • MENTIRI 2 • BEBATIK KILANAS • TUTONG

**BELTS**  
**imagine**  
what's next



GHK MOTORS SDN BHD

Your Support. Our Success



**G**  
GLAMCO  
AVIATION



**L S & A**

عمر بني تقي (نيوندي) استيراد و توزيع  
**NBT Brunei**  
An Inchcape Company

**AEWON™**  
BRUNEI

**MORTAR**  
EVENTS



**MAS JAYA**  
**BAHRIN ENGINEERING WORKS**  
No. 13, Spg 11-45, Jln Hj Hulus, Kg. Bunut,  
Jln Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.  
Tel: 673-2651229 Fax: 673-2661235

**ARMADA**

**MUARA**  
MARITIME SERVICES



**RBC**  
Royal Brunei Culinary



**BAIDURI BANK**

**CHANG EIN HONG**  
WATCH DEALER — SINCE 1952

**SYARIKAT DYG RAPAIH**  
DAN ANAK-ANAK



**UNIT PERHUBUNGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**